

## **PERJALANAN KEMBALI SEMULA KE LEMBAH KLANG: PLUS AKTIFKAN LALUAN ‘SMARTLANE’ UNTUK BANTU LANCAR TRAFIK & TAMBAH KAPASITI LORONG DI LEBUH RAYA**

**Petaling Jaya, 27 April 2023:-** PLUS Malaysia Berhad (PLUS) menjangkakan akan berlaku sekali lagi lonjakan trafik pada hujung minggu ini berikutan berakhirnya cuti persekolahan dan cuti am Hari Pekerja bersempena dengan perayaan Hari Raya Aidilfitri di antara 29 April hingga 1 Mei. Justeru, PLUS dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) akan mengaktifkan ‘SmartLane’, iaitu pembukaan sementara Lorong Kecemasan di laluan-laluan tertentu yang kritikal di lebuhraya untuk menambah kapasiti lorong.

Sepanjang cuti perayaan ini, ‘SmartLane’ telahpun diaktifkan di dua laluan di Lebuhraya Utara-Selatan menghala ke utara iaitu antara Persimpangan Port Dickson hingga Persimpangan Seremban antara KM260.0 hingga KM263.1 (Arah Utara) dan Persimpangan Senai Utara hingga Persimpangan Kulai antara KM19.0 hingga KM27.0 (Arah Utara) bagi membantu melancarkan pergerakan trafik. Pelaksanaan ‘SmartLane’ di dua laluan di wilayah selatan tersebut telah menerima maklum balas yang positif dan disambut baik oleh pengguna lebuhraya kerana inisiatif ini dapat membantu mengurangkan kesesakan.

“Ketika laluan ‘SmartLane’ ini diaktifkan, pengguna lebuhraya dibenarkan memasuki dan memandu di laluan kecemasan untuk sementara sebagai langkah untuk menambah kapasiti laluan terbabit sebelum diarahkan untuk masuk semula ke laluan utama lebuhraya bagi meneruskan perjalanan mereka. Walau bagaimanapun, pengguna lebuhraya dilarang sama sekali menggunakan bahu jalan/laluan kecemasan di lokasi-lokasi lain di mana tiada laluan ‘SmartLane’ diaktifkan,” kata Ketua Pegawai Operasi PLUS, Datuk Zakaria Ahmad Zabidi.

“Selain dua laluan tersebut, PLUS juga telah mengenalpasti lokasi lain bagi pengaktifan laluan ‘SmartLane’ iaitu laluan Gua Tempurung - Gopeng antara KM306.7 hingga KM297.0 (Arah Utara), Slim River - Sungkai antara KM367.3 hingga KM354.1 (Arah Utara) dan Rawang - Sungai Buaya antara KM439.9 – KM435.5 (Arah Utara),” ujarnya.

Walau bagaimanapun, pengaktifan laluan ‘SmartLane’ di lokasi-lokasi tersebut bergantung kepada keadaan trafik semasa dan kebenaran daripada pihak berkuasa pada waktu dan tempoh tertentu sebelum ia dilaksanakan.

Pengguna lebuhraya boleh mengenalpasti penggunaan laluan ‘SmartLane’ ini melalui papan tanda laluan ‘SmartLane’ serta pengawal trafik yang ditempatkan di lokasi terbabit atau merujuk laman media sosial PLUS di Facebook dan Twitter PLUSTrafik.



## KENYATAAN MEDIA

PLUS juga mengucapkan terima kasih kepada semua pihak berkuasa yang terlibat terutamanya pihak PDRM yang telah membantu menyuraikan dan mengawal trafik di lokasi laluan 'SmartLane' dan di sepanjang lebuh raya pada musim perayaan ini.

-TAMAT-

**POST-HARI RAYA TRAVEL:  
PLUS ACTIVATES SMARTLANE FOR SMOOTHER TRAFFIC FLOW  
& EXTRA LANE CAPACITY ON THE HIGHWAY**

**Petaling Jaya, 27<sup>th</sup> April 2023:-** PLUS Malaysia Berhad (PLUS) anticipates another wave of high traffic volume on its highways between 29<sup>th</sup> April and 1<sup>st</sup> May in conjunction with the end of the school holiday and Labour Day holiday. As such, PLUS in collaboration with the Royal Malaysian Police (PDRM), the Road Transport Department (JPJ) and the Malaysian Highway Authority (LLM) will be activating the SmartLane, a temporarily opening of the Emergency Lane at selected critical stretches to increase lane capacity.

Throughout the festive period, the SmartLane has been regularly activated at two stretches namely the Port Dickson Interchange to Seremban Interchange between KM260.0 and KM263.1 (Northbound), and Senai Utara Interchange to Kulai Interchange between KM19.0 and KM27.0 (Northbound), as part of a move to facilitate smoother traffic flow on the highway. The implementation of SmartLane at the two stretches in the southern region has received positive feedback from highway users as it has helped in reducing congestion.

“Once the SmartLane is activated, highway users will be allowed to temporarily enter and utilise the emergency lane at selected areas and will be redirected back to the normal lanes to continue their journey. However, they must not use the road shoulder/emergency lane at other locations where no SmartLane is activated,” said PLUS Chief Operating Officer, Datuk Zakaria Ahmad Zabidi.

“Apart from these two locations, PLUS has identified other locations for SmartLane activation at the Gua Tempurung - Gopeng stretch between KM306.7 and KM297.0 (Northbound), Slim River - Sungkai between KM367.3 and KM354.1 (Northbound) and Rawang - Sungai Buaya between KM439.9 and KM435.5 (Northbound),” he added.

Nevertheless, the SmartLane activation at these locations can only be implemented upon Police’s approval based on the current traffic condition.

The SmartLane locations can be identified through special SmartLane signages as well as the presence of traffic controllers stationed at the designated locations. Highway users are also advised to refer to the PLUS social media page via Facebook and PLUSTrafik Twitter.

PLUS also thanks the authorities especially the Police who have helped to disperse and manage traffic at the SmartLane locations and on the highway during the festive season.

-END-